

**TEKS UCAPAN**

**BRIG. JEN. DATO' PROF. DR. KAMARUDIN HUSSIN**

**NAIB CANSELOR UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS**

**SEMPENA**

**MAJLIS MAKAN MALAM UniMAP – PDRM KONTINJEN PERLIS**

**\*DEWAN SERBAGUNA KUBANG GAJAH\*17 JUN 2011\***

Bismillahirrahmanirrahim

Yang Dihormati, Datuk Tajuddin Mat Isa, Ketua Polis Kontinjen  
Perlis dan Yang Berbahagia Datin

Yang Berbahagia Prof. Dr. Zul Azhar Zahid Jamal, Timbalan Naib  
Canselor (Akademik dan Antarabangsa UniMAP)

Yang Berbahagia, Prof. Dr. Ismail Daut, Timbalan Naib Canselor  
(Penyelidikan dan Inovasi) merangkap Komandan SUKSIS UniMAP

Yang Dihormati, ACP Zull Aznam Harun, Timbalan Ketua Polis  
Kontinjen Perlis

Pegawai-pegawai Utama UniMAP,

Pegawai-pegawai Kanan Polis Kontinjen Perlis

Dekan-dekan dan Ketua-ketua jabatan,

Delegasi PDRM Kontinjen Perlis,

Seterusnya hadirin dan hadirat yang dikasihi sekalian.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

**Ke Pekan Kuala membeli bingka,  
Sayang pesanan terlupa sudah;  
Majlis bermula tirai dibuka,  
Dengan alunan madah yang indah.**

Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan kehadrat Allah S.W.T kerana dengan izinnya dapat kita bersama-sama pada malam ini bersempena dengan Majlis Makan Malam UniMAP – PDRM Kontinjen Perlis yang julung kali diadakan.

Dikesempatan ini, saya ingin mengalu-alukan kehadiran Yang Dihormati Datuk Tajuddin Mat Isa, Ketua Polis Diraja Malaysia Kontinjen Perlis atas kesudian hadir ke majlis ini. Tahniah di atas pelantikan sebagai Ketua Polis Kontinjen Perlis yang baru. Kehadiran Dato' membuktikan komitmen jitu yang ditunjukkan oleh PDRM dalam usaha menjalankan hubungan erat dengan Institusi Pengajian Tinggi Awam (dalam konteks ini UniMAP).

Sesungguhnya, majlis ini merupakan sebahagian daripada wahana untuk bertemu dan merapatkan lagi hubungan antara pihak polis dengan pihak Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) yang mana pada malam ini, saya difahamkan, kedua-dua pihak diwakili oleh Pegawai Tertinggi masing-masing. Manfaatkanlah ruang dan peluang yang diberikan ini untuk mewujudkan kerjasama erat antara PDRM dan Universiti.

Hadirin dan hadirat sekalian,

Sebagai sebuah IPTA di negeri Perlis, tidak dinafikan, UniMAP dan PDRM telah menjalankan hubungan yang erat yang boleh disimpulkan seperti irama dan lagu. Jika dipisahkan maka rosaklah lagu pincanglah irama.

Begitulah juga UniMAP dan PDRM. Apatah lagi dengan bilangan pelajar UniMAP yang telah mencecah 7,000 orang, dan ini merupakan tanggungjawab bersama untuk memastikan kesemua pelajar ini mematuhi peraturan dan undang-undang di Malaysia.

Dan Alhamdulillah, sehingga ke saat ini, saya amat berterima kasih dengan kerjasama dan komitmen pihak PDRM dalam menjalankan tanggungjawab dan tugasan harian dengan penuh profesional. Semoga kedua-dua entiti ini (UniMAP-PDRM) akan terus mengutamakan profesionalisme di masa-masa akan datang.

Hadirin dan hadirat sekalian,

Sebagai sebuah universiti, UniMAP sentiasa memberi penekanan terhadap pembentukan modal insan yang seimbang dan holistik terutama di kalangan pelajar. Ianya bertujuan untuk memastikan mereka benar-benar menjadi modal insan bermentaliti kelas pertama dengan memiliki ciri-ciri progresif, mengutamakan nilai etika dan bermoral tinggi.

Atas dasar itu jugalah, UniMAP telah menubuhkan Kor SUKSIS bagi mendedahkan mereka dengan pengalaman selama berada dalam bidang kepolisan. Semoga dengan cara ini akan membantu universiti dan negara mencapai hasrat yang dinyatakan.

Arus globalisasi yang begitu deras pada masa kini, menuntut supaya generasi muda hari ini termasuk mahasiswa-mahasiswi menjadi agen kepada masyarakat dalam mengutamakan kesedaran sivik di samping memelihara hubungan baik dengan pihak polis.

Ancaman moral dan keruntuhan akhlak di kalangan warga negara seperti peningkatan kes-kes jenayah rompakan, pembunuhan, ragut, ugutan, dadah dan sebagainya menunjukkan bahawa perlunya sensitiviti masyarakat bagi membendung perkara ini dari lebih berleluasa.

Tidak kurang juga jenayah siber seperti kecurian dan pemalsuan maklumat, judi, *hakers*, pengintipan dan penyebaran virus adalah antara jenayah yang memerlukan kepakaran dalam bidang IT.

Sebagaimana yang didedahkan oleh media-media tempatan, Negara Malaysia dikejutkan dengan penggodam laman web semenjak beberapa hari lalu dan ia merupakan satu jenayah yang serius dan perlu diatasi segera.

Dan atas sebab itulah, Profesion polis hari ini adalah satu tugas yang semakin mencabar sejajar dengan perkembangan dunia pada masa kini. Jenayah yang berlaku hari ini semakin kompleks serta rumit kerana ia melibatkan kepakaran dalam bidang sains dan teknologi.

Dan di sinilah saya melihat peranan yang harus dimainkan oleh pihak universiti. PDRM pastinya memerlukan ahli-ahli professional yang mempunyai ilmu dan kemahiran untuk membantu menangani jenayah di abad ini dan UniMAP pula mempunyai sumber yang boleh dimanfaatkan.

Untuk itu, UniMAP akan terus komited untuk menambah bilangan keanggotaan mahasiswa dalam Kor suksis UniMAP pada masa hadapan untuk membantu negara menangani jenayah yang mungkin berlaku demi menjaga keamanan dan kesejahteraan negara. Semoga para pelatih Kor SUKSIS ini akan meneruskan

kerjaya dalam bidang kepolisan apabila tamat pengajian. Insya Allah.

Hadirin sekalian,

Saya tidak ingin bercakap panjang pada malam ini, justeru sebelum mengakhiri ucapan izini saya menyampaikan dua rangkap pantun :

**Permata hitam jatuh ke rumput  
Jatuh ke rumput berbilang-bilang  
Dari mata tak mungkin kan luput  
Dalam hati tidakkan hilang**

**Lancang kuning lancang pusaka  
Nampak dari Tanjung Puan  
Kalau kering laut Melaka  
Barulah kami lupakan tuan**

Sekian,

Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Terima kasih.